

**Gagasan Sastera Hasanah**  
**Pemikiran, Teknik & Prinsip Surah Yusuf**  
**sebagai Model Penulisan Dakwah Kreatif Melayu Islami**

**Penulis:**

Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi<sup>1</sup>,  
Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi<sup>2</sup>, Khairul Asyraf Mohd Nathir<sup>3</sup>,  
Aishah Isahak<sup>4</sup>

**Email:**

zahiruddinabidi@um.edu.my<sup>1</sup>, adiamzar@usim.edu.my<sup>2</sup>,  
khai.asyraf@usim.edu.my<sup>3</sup>, aishah\_isahak@usim.edu.my<sup>4</sup>

**Abstrak:** Buku ini secara umumnya memperihalkan Gagasan Saster Hasanah hasil janaan Ainon Mohd sebagai satu alternatif pemikiran, model, teknik, rumusan mahupun boleh dianggap teori atau pendekatan berkaitan sastera Islam. Gagasan ini sepenuhnya mengadaptasi Surah Yusuf yang merupakan surak ke-12 daripada al-Quran dengan menampilkan teknik dan rumus sebagai panduan penulisan berkaitan karya kreatif dan kesusasteraan seperti novel ataupun cerpen.

Umum mengetahui kebanjiran konsep, fahaman dan teori kesusasteraan yang berpaksikan Barat sejak dahulu lagi, sedikit sebanyak memperlihatkan penguasaan idealisme tersebut dalam kerangka penulisan serta pengkaryaan dan yang paling membahayakan ia melangkaui kerja-kerja kritikan kesusasteraan. Hasilnya, kebanyakan parameter dan kayu ukur kritikan sastera banyak diambil daripada pandangan Barat secara sedar ataupun tidak sedar sehinggalah ia menjadi acuan yang dominan seterusnya menjadi rancu dalam dunia kesusasteraan Islam secara tidak sedar. Di peringkat kesusasteraan atau kritikan sastera Islami, sedikit sebanyak telah meninggalkan kesan dan mempengaruhi sistem penilaian dan kritikan Islam sehingga menyebabkan hasil-hasil kritikan kesusasteraan tidak bersifat asli Islam dan tidak didasarkan pada kerangka Islam yang sebenar.

Kehadiran Gagasan Sastera Hasanah boleh dikatakan masih baharu di negara ini, kurang diperkatakan dan dilakukan ujian mendalam mengenainya. Ia baru bermula sementara penghasilan sebuah karya yang dicetuskan oleh Ainon Mohd iaitu Panduan Menulis Novel Teknik Surah Yusuf pada 2011. Namun, masukan yang ada dan penghasilannya boleh dianggap memberi nafas baru kepada sistem penteorian sastera Islam di Malaysia setakat ini.

**Kata Kunci:** Sastera hasanah, kesusasteraan Islam, teknik penulisan, teori sastera, kritikan sastera

**GAGASAN SASTERA HASANAH**

# **GAGASAN SASTERA HASANAH**

***Pemikiran, Teknik & Prinsip Surah Yusuf  
sebagai Model Penulisan Dakwah  
Kreatif Melayu Islami***

AHMAD ZAHIRUDDIN MOHD ZABIDI  
MOHD ADI AMZAR MUHAMMAD NAWAWI  
KHAIRUL ASYRAF MOHD NATHIR  
AISHAH ISAHAK



  
**Penerbit  
UTHM**

**GAGASAN  
SASTERA  
HASANAH**  
*Perspektif Pemikiran Melayu Islami*

# GAGASAN SASTERA HASANAH

*Perspektif Pemikiran Melayu Islami*

AHMAD ZAHIRUDDIN MOHD ZABIDI  
MOHD ADI AMZAR MUHAMMAD NAWAWI  
KHAIRUL ASYRAF MOHD NATHIR  
AISHAH ISAHAK



2024

© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Penulis: Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi, Mohd Adi Amzar Muhammad  
Nawawi, Khairul Asyraf Mohd Nathir, Aishah Isahak

ISBN: 978-629-490-090-5

Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
Tel: 07-453 8698 / 8529  
Faks: 07-453 6145

Dicetak oleh:

Percetakan Ilham Selatan  
No. 10, Jalan Perdagangan 16,  
Taman Universiti, 81300 Skudai, Johor

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>

E-mel: [pemasaran.uthm@gmail.com](mailto:pemasaran.uthm@gmail.com)

<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-090-5

# ISI KANDUNGAN ●

*Prakata*

*vii*

## **Bab 1 AL-QURAN, SASTERA DAN HUKUM-HAKAMNYA**

Pendahuluan	1
Sastera dan Hukum-hakamnya	7
Al-Quran dan Sasterawan	10
Al-Quran dan Estetika Seni	29
Al-Quran dan Mukjizat Bahasa ( <i>I'jaz al-Lughawi</i> )	44
Al-Quran dan Mukjizat Kisah	49
Al-Quran dan Teori Sastera	58
Kesimpulan	66

## **Bab 2 WACANA SASTERA ISLAM DI ALAM ARAB DAN ALAM MELAYU**

Pendahuluan	67
Kemunculan Serius Wacana Sastera Islam di Malaysia	71
Sekilas Sorotan Wacana Sastera Islam Arab-Melayu	74
Perkembangan Wacana Sastera Islam di Dunia Arab	75
Perkembangan Wacana Sastera Islam di Alam Melayu	83
Kelompangan yang Wujud	96
Fokus Buku Ini	101
Kesimpulan	106

<b>Bab 3</b>	<b>KEMUNCULAN TEKNIK PENULISAN BERDASARKAN SURAH YUSUF</b>	
	Teknik	107
	Kritikan Penggunaan Kisah dalam al-Quran	108
	<i>Anatomi Buku Panduan Menulis Novel Teknik Surah Yusuf</i>	113
	Kandungan PMNTSY	118
	Kenapa Surah Yusuf?	121
	Rumus ‘Teori’ Teknik Surah Yusuf Menurut Ainon Mohd.	124
	Aspek Halal dan Haram dalam Karya	127
	Aspek Faktor dan Ciri Keindahan dalam Karya	129
	Kesimpulan	134
<b>Bab 4</b>	<b>MODEL TEKNIK SURAH YUSUF BERDASARKAN KERANGKA TA’ĀMUL- TAKLIF</b>	
	Pendahuluan	137
	<i>Ta’ āmul-Taklif</i>	138
	<i>Konsep Ta’ āmul</i>	141
	<i>Analisis Kandungan Buku Panduan Menulis Novel Teknik Surah Yusuf</i>	143
	Penulisan Kisah al-Quran bukan Berdasarkan Teori Sastera Manusiawi	144
	Tidak Mencampuradukkan Kajian Terhadap Kisah al-Quran dengan Kajian Sastera	148
	Tiada Peniruan Kisah al-Quran Namun Boleh Jadikan Sebagai Panduan atau Metode	156
	Konsep Taklif	159

Sikap Tanggungjawab	160
Produk Didaktik	161
Kesimpulan	164
<b>Bab 5 PENUTUP &amp; RUMUSAN</b>	
Pendahuluan	167
Kesimpulan	173
<i>Rujukan</i>	175
<i>Biodata Penulis</i>	193
<i>Indeks</i>	195

# PRAKATA ●

---

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayah-Nya, maka buku ini dapat direalisasikan setelah melalui proses penulisan yang mencabar diri kami ini. Buku ini secara umumnya memperihalkan Gagasan Sastera Hasanah hasil janaan Ainon Mohd sebagai satu alternatif pemikiran, model, teknik, rumus mahupun boleh dianggap teori atau pendekatan berkaitan sastera Islam. Gagasan ini sepenuhnya mengadaptasi Surah Yusuf yang merupakan surah ke-12 daripada al-Quran dengan menampilkan teknik dan rumus untuk tujuan sebagai panduan penulisan berkaitan karya kreatif dan kesusasteraan seperti novel ataupun cerpen.

Umum mengetahui kebanjiran konsep, fahaman dan teori kesusasteraan yang berpaksikan Barat sejak dahulu lagi, sedikit sebanyak memperlihatkan penguasaan idealisme tersebut dalam kerangka penulisan dan pengkaryaan dan yang paling membahayakan ia melangkaui kerja-kerja kritikan kesusasteraan. Hasilnya, kebanyakan parameter dan kayu ukur kritikan sastera banyak diambil daripada pandangan Barat secara sedar ataupun tidak sedar sehinggalah ia menjadi acuan yang dominan seterusnya menjadi rancu dalam dunia kesusasteraan Islam secara tidak sedar. Di peringkat kesusasteraan atau kritikan sastera Islami, sedikit sebanyak telah meninggalkan kesan dan mempengaruhi sistem penilaian dan kritikan Islam sehingga menyebabkan hasil-hasil kritikan kesusasteraan tidak bersifat asli Islam dan tidak didasarkan pada kerangka Islam yang sebenar.

Kehadiran Gagasan Sastera Hasanah boleh dikatakan masih baharu di negara ini masih kurang lagi diperkatakan dan dilakukan kajian mendalam mengenainya. Ia baru bermula sementelah penghasilan sebuah karya yang dicetuskan oleh

Ainon Mohd iaitu *Panduan Menulis Novel Teknik Surah Yusuf* pada 2011 yang lalu. Namun masukan yang ada dan penghasilannya boleh dianggap memberi nafas baru kepada sistem penteorian sastra Islam di Malaysia setakat ini.

Oleh yang demikian, ia boleh dilihat sebagai satu sumbangan kecil oleh kami selaku penulis yang bertanggungjawab menghasilkan buku ini. Atas kesedaran dan rasa ketanggungan ini jugalah, maka buku kecil ini dihasilkan bertujuan untuk memberikan input dan maklumat penting kepada pembaca, penggiat dan peminat kesusasteraan Islam tentang pemikiran dan falsafah yang terkandung dalam Gagasan Sastra Hasanah dan juga sedikit input berkaitan al-Quran dan sastra dan juga pengenalan berkenaan sastra Islam di Malaysia dan juga di dunia Arab.

Karya ini secara fundamentalnya merupakan transformasi daripada usaha kami untuk mengembangkan sebahagian daripada wacana dalam tesis sarjana dan juga doktor falsafah yang memfokuskan kepada pemikiran satira dalam penulisan dakwah dan juga prinsip Islam dalam kritikan sastra yang kami kemukakan kepada institusi pengajian kami masing-masing. Kami juga berterima kasih atas bimbingan para penyelia kami kerana tanpa mereka selaku insan yang berjasa, kemungkinan kami tidak akan berada pada arena lapangan ini dan juga mungkin tidak mengenal apa itu erti taklif pada aspek kepengarangan.

Buat akhirnya, tidak dilupakan keluarga tersayang terutamanya kepada kedua orang ibu bapa kami yang banyak mendoakan kesejahteraan dan kejayaan dalam karier kami sebagai penulis dan juga sebagai ahli akademik. Tidak dilupakan kepada isteri-isteri/suami dan anak-anak tercinta yang senantiasa berada di belakang dan teguh menyokong perjuangan yang sedang kami galas ini. Juga, tidak dilupakan kepada sahabat-sahabat seperjuangan di Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia cawangan

Pagoh dan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya serta Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia yang banyak menginspirasi semangat kami untuk menjadi penulis prolifik yang dapat kekal terus menyumbang dalam misi memandaikan ummat ini, insya-Allah.

Buat akhirnya, kami berharap agar karya kecil ini dapat memberikan input dan sedikit ilmu kepada pembaca tentang gambaran sebenar berkenaan Gagasan Sastera Hasanah yang dicetuskan Ainon Mohd dan bagaimana reka bentuk Teknik Surah Yusuf tersebut. Moga-moga dengan perkongsian yang sedikit ini dapat memberatkan mizan hasanat untuk kami semua pada hari perhitungan kelak, insya-Allah. Wassalam.

**DR. AHMAD ZAHIRUDDIN MOHD ZABIDI**

**DR. MOHD ADI AMZAR MUHAMMAD NAWAWI**

**DR. KHAIRUL ASYRAF MOHD NATHIR**

**DR. AISHAH ISAHAK**

## BAB 1

# AL-QURAN, SASTERA & HUKUM-HAKAMNYA

### PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan kalam Allah yang diturunkan kepada Rasul-Nya, Nabi Muhammad SAW sebagai mukjizat, bernilai ibadah dalam bacaannya, tertulis dalam mushaf dan sampai kepada manusia selepasnya secara *mutawāṭir*.<sup>1</sup> Yusuf al-Qaraḍāwī, dalam Ammar Fadzil (2007), menyatakan ada banyak maqasid *nuzūl al-Quran* namun yang sering diulang dalam al-Quran sendiri ada tujuh iaitu: 1) Pembedulan akidah, 2) Pengakuan kepada kemuliaan dan hak-hak manusia, 3) Membimbing manusia kepada ibadah yang sebenar, 4) Mengajak kepada pembersihan jiwa, 5) Pembentukan keluarga yang baik serta berlaku adil kepada wanita, 6) Pembinaan sahsiah umat gemilang, 7) Mengajak kepada kehidupan tolong menolong sesama manusia termasuk kepada bukan Islam.<sup>2</sup>

Antara ciri-ciri istimewa al-Quran menurut al-Qaraḍāwī lagi adalah, ia merupakan kitab Allah, kitab yang terpelihara, kitab yang mempunyai mukjizat, kitab yang terang dan jelas, kitab agama, kitab sepanjang zaman dan bersifat sesuai dengan nilai

<sup>1</sup> Mahmud bin Ahmad bin Shalih Al-Dosari (2006), *Azīmat al-Qurʾān al-Karīm* (Keagungan Al Qurʾān Al Karim), Fir'adi Nasruddin Abu Ja'far (terj.), Riyādh: Maktabah Dār-us-Salām, h. 20

<sup>2</sup> *Maqāṣid*: Berasal daripada perkataan bahasa Arab مقاصد yang merupakan bentuk jama' kata مقصد, membawa maksud sasaran, prinsip, niat, tujuan dan tujuan akhir. Lihat Jasser Audah, Dr (2015), *Membumikan Hukum Islam Melalui Maqasid Syariah*, Rosidin dan 'Ali 'Abd el-Mun'im (terj.), Bandung: PT Mizan Pustaka, h. 32; Jasser Auda (2007), *Maqāṣid al-Sharī'ah as Philosophy of Islamic Law: A Systems Approach*, London: IIIT, h. 2

*Maqāṣid nuzūl al-Qurʾān* bermaksud tujuan, matlamat atau hikmah di sebalik penurunan al-Qurʾān. Lihat Ammar Fadzil (2007), *Anatomi Al-Quran: Mengenali Ilmu, Sejarah dan Kandungan Al-Quran*, Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd., h. 121-142; Yūsuf al-Qaraḍāwī (2000), *Kayfa Nataʾamal Maʾa al-Qurʾān*, Cairo: Dār al-Shurūq

## BAB 2

# WACANA SASTERA ISLAM DI ALAM ARAB DAN ALAM MELAYU

### PENDAHULUAN

Dunia penulisan sastera moden (penulisan kreatif) sama ada di Malaysia ataupun seluruh dunia jelas membawa pengaruh ‘faham tragedi’<sup>194</sup> yang terlebih dahulu dibincangkan dan ditulis oleh Aristotle (384-322SM)<sup>195</sup> dalam karyanya berjudul *Poetics*<sup>196</sup>. Tragedi yang asalnya merupakan genre dalam persembahan drama Greek (Yunani) mendapat perhatian utama masyarakat Barat bukan hanya dipraktikkan dalam hal-hal berkaitan dengan kesenian dan kesusasteraan, namun kemudian sudah menjadi sebatian dan menjadi teras kepada kebudayaan masyarakat Barat itu sendiri sejak sekian lama.<sup>197</sup>

---

<sup>194</sup>Tragedy, branch of drama that treats in a serious and dignified style the sorrowful or terrible events encountered or caused by a heroic individual. By extension the term may be applied to other literary works, such as the novel. Lihat *Encyclopaedia Britannica*, <http://global.britannica.com/EBchecked/topic/601884/tragedy>, 2 Ogos 2013

<sup>195</sup>*The New York Times Guide To Essential Knowledge* (2007), New York: ST. Martin's Press, h. 683-684

<sup>196</sup>*Poetics* ditulis oleh Aristotle sekitar pertengahan abad ke-4 S.M. Buku yang diterjemahkan dan diberi kata pendahuluan oleh J. Hutton ini merupakan satu pernyataan yang paling autentik tentang tragedi yang perkembangannya sebagai satu disiplin (*a science*). Ia juga menyatakan fungsi tragedi dan bagaimana ia sepatutnya distrukturkan bagi memenuhi fungsinya itu. Di samping itu, ia juga membangunkan satu paradigma tragedi membabitkan satu hero yang tragik (*tragic hero*), belas kasihan (*pity*), ketakutan (*fear*), penderitaan (*suffering*) dan kesannya sebagai penyucian diri (*catharsis*). Lihat Ismail M. Dahiyat (1974), *Avecinna's Commentary on The Poetics of Aristotle*, Leiden: E. J. Brill, h. 67-68

<sup>197</sup>Lihat Che Razi Yusuf (2012), “Tragedi Sebagai Salah Satu Watak Dalam Kebudayaan Barat”, dalam Mohd Zaidi Ismail dan Wan Suhaimi Wan Abdullah (ed.), *Adab dan Peradaban: Karya Pengitirafan Syed Muhammad Naquib al-Attas*, Kuala Lumpur: MPH Group Publishing House Sdn. Bhd., h. 262-263

## *BAB 3*

# KEMUNCULAN TEKNIK PENULISAN BERDASARKAN SURAH YUSUF

## TEKNIK

Perkataan ‘teknik’ menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* membawa kepada dua maksud, yang pertama merujuk kepada pengetahuan yang berkaitan dengan pembuatan barang-barang hasil industri seperti jentera, kenderaan, bangunan dan lain-lain. Yang kedua teknik merujuk kepada kaedah mencipta sesuatu hasil seni seperti muzik, karang-mengarang dan lain-lain.<sup>277</sup> Manakala dalam bahasa Inggeris, perkataan *technique* menurut *McMillan Essential English-Chinese Dictionary* adalah ‘*A method of doing something using a special skill that you have developed*’ dan ‘*The skills that are needed to perform a particular activity*’.<sup>278</sup>

Rahman Shaari dalam buku *Bimbingan Istilah Sastera* menyatakan teknik adalah cara pengarang menyampaikan isi karya. Secara umum teknik adalah sesuatu yang bersifat peribadi dan juga yang memang dijadikan panduan umum dalam penulisan sebagaimana yang sudah tersedia dalam karya-karya kreatif.

<sup>277</sup>*Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007), *op. cit.*, h. 1630

<sup>278</sup>*McMillan Essential English-Chinese Dictionary* (2005), Beijing: Foreign Language Teaching and Research Press, h. 1027

## *BAB 4*

# MODEL TEKNIK SURAH YUSUF BERDASARKAN PENDEKATAN *TA'ĀMUL-TAKLIF*

## PENDAHULUAN

Zulkarnain Mohamed dalam kesimpulan artikel yang bertajuk Pendekatan *Ta'āmul-Taklif dalam Kajian Sastera* mengatakan bahawa pendekatan *Ta'āmul-Taklif* dapat memelihara tasawwur Islami khusus berkenaan ilmu dan karya sastera. Ini adalah kerana pendekatan tersebut dalam kajian dapat memastikan pemeliharaan terhadap kesucian akidah, syariat dan akhlak Islam seseorang penulis dan juga pengkarya Muslim. Gabungan antara konsep *Ta'āmul* dan Taklif wajar digunakan secara sedar atau tidak, sama ada mematuhinya atau mengkesampingkannya.<sup>327</sup>

Namun dalam buku ini subjek kajian yang mahu dikaji menggunakan pendekatan ini bukan sebuah karya sastera mahupun sebuah karya kritikan, ia adalah sebuah buku panduan penulisan novel oleh Ainon Mohd berdasarkan kefahaman dan kajian peribadi beliau terhadap Surah Yusuf. Pendekatan ini relevan memandangkan kelahiran teknik tersebut adalah berdasarkan sumber utama Islam iaitu Surah

---

<sup>327</sup>Zulkarnain Mohamed, "Pendekatan *Ta'āmul-Taklif* dalam Kajian Sastera", *Sari - International Journal of the Malay World and Civilization*, 29 (1) (2011): 137-152, h. 151-152

## *BAB 5*

# PENUTUP DAN RUMUSAN

### PENDAHULUAN

Secara kesimpulannya, 100% hasil kajian Aion Mohd terhadap Surah Yusuf yang melahirkan Teknik Surah Yusuf (TSY) kemudian telah dibukukan dengan tajuk *Panduan Menulis Novel Teknik Surah Yusuf* tidak bercanggah dengan mana-mana ciri yang ditetapkan sebagai disiplin kajian kisah al-Quran yang dikemukakan oleh Pendekatan *Ta'āmul-Taklif*.

Justeru, ia sesuai dijadikan sebagai teknik asas bagi seseorang yang baru bermula sebagai seorang penulis khususnya penulis genre kreatif sebelum mereka mengembara jauh ke lautan fiktif sehingga mencipta bentuk rupa dan isi dengan kaedah dan gaya yang tersendiri sebagaimana penulis-penulis besar sepanjang zaman.

Perlu juga ditegaskan bahawa Teknik Surah Yusuf bukan suatu istinbat nas sehingga menatijahkan hukum taklifi seperti halal, haram, sunat, harus dan makruh kerana asas bagi hukum penulisan kreatif adalah sebagaimana yang dihujahkan oleh al-Qaraḍāwī dalam *al-Fan fī al-Islām* yang sudah kita bincangkan sebelum ini adalah harus sehinggalah ada *qarīnah* (unsur-unsur) perkara yang menyebabkan ia menjadi makruh atau haram.

TSY sebenarnya lebih kepada hasil penelitian terhadap bentuk dan prinsip dalam Surah Yusuf yang disebutkan oleh Allah sebagai *aḥsan al-qaṣaṣ* (kisah yang terbaik) sebagai satu

# RUJUKAN ●

---

- ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1989), *al-Ghazwah al-Fikri wa Athāruhu fī al-Mujtama‘ al-Islāmi al Mu‘āṣir* (Invasi Pemikiran, dan Pengaruhnya Terhadap Masyarakat Islam Masakini), Mohdsir M.R (terj.), Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- ‘Abd al-Ḥamīd al-Būzuwaynah (1990), *Nazariyyah al-Adab fī Daw’ al-Islām*. ‘Amman: Dār al-Bashīr.
- ‘Abd al-Karīm Zaydān, (2006), *al-Mustafād min Qaṣaṣ al-Qur’ān li al-Da‘wah wa al-Du‘āh*, Suriyā: Mu’assasah al-Risālah Nāshiruz.
- ‘Abd al-Karīm Zaydān, (2012), *al-Mustafād min Qaṣaṣ al-Qur’ān* (Hikmah Kisah-kisah Dalam al-Quran Dari Nabi Adam-Nabi Isa Alaihimussalam), Jld. 1, cetakan pertama 2010, cetakan kedua 2011, terj. M. Syuaib Al-Faiz, L.c., M.Si dan Thoriq Abd. Aziz At-Tamimi, Lc., MA., Jakarta Timur: Darus Sunnah Press.
- ‘Abd al-Karīm Zaydān (2013), *al-Mustafād min Qasas al-Qur’ān li al-Da‘wah wa al-Du‘āt*, bāb al-awwal, Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah Nāshirūn.
- ‘Abd al-Wahhāb al-Najjār (2012), *Qasas al-Anbiyā’: Laqad Kāna fī Qaṣaṣihim ‘Ibratun li Ulī al-Albāb*, al-Qāhirah: Dār al-Hadīth.
- ‘Amrū Khālīd (2004), *Khawāṭir Qur’āniyyah: Nazarat fī Ahdāf Sūr al-Qur’ān*, Bayrūt: al Dār Al-‘Arabiyyah li al-‘Ulūm.
- Ab. Aziz Md. Zin (1997), *Al-Quran dan Mesej Kesejahteraan Sejahtat*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

About.com Guide, Dicapai pada <http://history1900s.about.com/>

Abdullah Muhammad (2008), *Lubābu al-Tafsīr min Ibn Kathīr* (Tafsir Ibnu Kathir, Jilid 6), M. 'Abdul Ghoffar E.M dan Abu Ihsan al-Atsari (terj.), Jakarta: Pustaka Imam Asy Syafi'i.

Abdul Hadi W.M. (2004), "Seni Islam dan Akar-Akar Estetikanya", dalam Oliver Leaman (2004), *Estetika Islam: Menafsirkan Seni dan Keindahan* (Islamic Aesthetics), Irfan Abu bakar (terj.), Bandung: PT Mizan Pustaka.

Abī 'Īsā Muḥammad ibn 'Īsā ibn Sawrah al-Tirmidhī (2013), *al-Shamā'il Muḥammadiyah*, cetakan ketiga, taḥqīq dan takhrij oleh 'Iṣām Mūsā Hādī, 'Arab Sa'ūdi: Maktabah Bayt al-Salām.

Adian Husaini (2005), *Wajah Peradaban Barat Dari Hagemoni Kristen Ke Dominasi Sekular Liberal*, Jakarta: Gema Insani.

Adli Yaacob (2006), "Sastera Islam dan al-Quran: Analisa Terhadap Perkembangan Konsep dan Teori Sastera Islam Moden Oleh Beberapa Sasterawan Melayu di Malaysia", dalam Andy Hadiyanti *et al.* (ed.) (2006), *Al-Quran: Bahasa dan Penafsirannya*, Depok: Ulinnuha Press, h. 264-265.

Adli Yaacob & Raḥmah Ahmad H. Osman (2009), *Manāhij al-Ādab al-Islāmī 'Inda al-Udabā' al-Malāyuwiyyīna wa al-'Arab fi al-'Aṣr al-Ḥadīth*, Kuala Lumpur: al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah al-'Ālamiyyah bi Māliziyyā.

Adnin Armas (2005), *Metodologi Bibel dalam Studi Al-Qur'an: Satu Kajian Kritis*: Jakarta: Gema Insani.

# GAGASAN SASTERA HASANAH

## *Pemikiran, Teknik & Prinsip Surah Yusuf sebagai Model Penulisan Dakwah Kreatif Melayu Islami*

Buku ini secara umumnya memperihalkan Gagasan Saster Hasanah hasil janaan Ainon Mohd sebagai satu alternatif pemikiran, model, teknik, rumusan mahupun boleh dianggap teori atau pendekatan berkaitan sastera Islam. Gagasan ini sepenuhnya mengadaptasi Surah Yusuf yang merupakan surah ke-12 daripada al-Quran dengan menampilkan teknik dan rumus sebagai panduan penulisan berkaitan karya kreatif dan kesusasteraan seperti novel ataupun cerpen.

Umum mengetahui kebanyakan konsep, fahaman dan teori kesusasteraan yang berpaksikan Barat sejak dahulu lagi, sedikit sebanyak memperlihatkan penguasaan idealisme tersebut dalam kerangka penulisan serta pengkaryaan dan yang paling membahayakan ia melangkaui kerja-kerja kritikan kesusasteraan. Hasilnya, kebanyakan parameter dan kayu ukur kritikan sastera banyak diambil daripada pandangan Barat secara sedar ataupun tidak sedar sehinggalah ia menjadi acuan yang dominan seterusnya menjadi rancu dalam dunia kesusasteraan Islam secara tidak sedar. Di peringkat kesusasteraan atau kritikan sastera Islami, sedikit sebanyak telah meninggalkan kesan dan mempengaruhi sistem penilaian dan kritikan Islam sehingga menyebabkan hasil-hasil kritikan kesusasteraan tidak bersifat asli Islam dan tidak didasarkan pada kerangka Islam yang sebenar.

Kehadiran Gagasan Saster Hasanah boleh dikatakan masih baharu di negara ini, kurang diperkatakan dan dilakukan ujian mendalam mengenainya. Ia baru bermula sementelah penghasilan sebuah karya yang dicetuskan oleh Ainon Mohd iaitu Panduan Menulis Novel Teknik Surah Yusuf pada 2011. Namun, masukan yang ada dan penghasilannya boleh dianggap memberi nafas baru kepada sistem penteorian sastera Islam di Malaysia setakat ini.



ISBN 978-629-490-090-5



Sila imbas kod untuk maklumat lanjut

